

PERISYTIHARAN

JARINGAN WANITA SIVIL MASYARAKAT UNTUK KEDAMAIAAN WILAYAH SELATAN DAN ORGANISASI SEKUTU SEMPENA HARI MEDIA KEDAMAIAAN SELATAN/PATANI DAN HARI WANITA ANTARABANGSA

SEMPENA HARI MEDIA KEDAMAIAAN SALATAN/PATANI 28 FEBRUARI 2016 DAN SEMPENA KETIBAAN HARI WANITA ANTARABANGSA 8 MARCH INI. JARINGAN WANITA SIVIL MASYARAKAT UNTUK KEDAMAIAAN WILAYAH SELATAN DAN ORGANISASI SEKUTU SEPERTI NAMA-NAMA DI BAWAH . KAMI MENYUARA DAN MENUNTUT SEBAGAI SUARA RAKYAT TEMPATAN DAN SUARA BADAN SIVIL MASYARAKAT SEPERTI BERIKUT;

1.MEMOHON KERAJAAN DAN MARA PATANI TERMASUK SEMUA PIHAK DALAM MASYARAKAT SOKONG DAN MENDOKONG SUPAYA WANITA DALAM KAMPONG DAN MASYARAKAT ADA BAHAGIAN DALAM PROSES DAMAI DENGAN SEBENAR. PENLIBATAN WANITA HARUS BERDASAR ATAS PERSAMAAN , KEBEBASAN TANPA GANGUAN, HORMAT DAN MENGHORMATI MARWAH SEORANG MANUSIA. DAN PERANAN SEORANG WANITA SEBAGAI SATU SAHAM DALAM MEMBINA KEDAMAIAAN SELATAN.

2.SEMUA PIHAK MESTI MEMBANTU SUPAYA KEDAMAIAAN ‘BOLEH DI MAKAN’ BERMAKNA DAPAT DI SENTUH OLEH RAKYAT DAN PIHAK BERKEPENTINGAN DENGAN KEDAMAIAAN. DAN MELAHIRKAN FAEDAH YANG NYATA TERHADAP RAKYAT DENGAN;

2.1 RUNDINGAN ANTARA KERAJAAN DAN MARA PATANI (TARK1) MESTI “BOLEH DI MAKAN” DENGAN JUJUR , KOMITMEN TANPA BERSYARAT BERGANTUNG KEPADA SUARA RAKYAT. MANA-MANA PENGESYORAN DARI KEDUA-DUA PIHAK SETUJU DI MINTA SUPAYA RUNDINGAN DI TERUSKAN. OLEH KERANA RAKYAT TIDAK INGIN LAGI MELIHAT PEPERANGAN YANG MENJEJASKAN HIDUPAN RAKYAT.

2.2 PERBINCANGAN DENGAN RAKYAT DI PERINGKAT TEMPATAN (TRAK3) BERJALAN SELARAS BERSAMA TRAK1. KHASNYA DALAM KAMPONG YANG MENDAPAT IMPAK DARIPADA SUASANA KEGANASAN. BERTUJUAN SUPAYA ORANG YANG MENGALAMI KESEDIHAN TIDAK KIRA ORANG AWAM BERAGAMA ISLAM ATAU PENGANUT BHUDDA DAN PEGAWAI KERAJAAN MENGGUNA PENTAS DIALOG MENDENGAR KELUHAN MASING-MASING YANG MENGALAMI KESEDIHAN. SERTA MERAWAT JIWA YANG LUKA DI KAMPONG DAN SEMUA PIHAK YANG BERLAKU.

2.3 KETIKA RUNDINGAN DAMAI BERLANSUNG OLEH TRAK1 KEDUA-DUA PIHAK MENGAMBIL TAHU DAN MEMBANTU KESUSAHAN YANG SEDANG DIALAMI RAKYAT. KHASNYA MASALAH PENDAPATAN HARIAN , KUALITI HIDUP, MASALAH DADAH, MASALAH PENGURUSAN SUMBER ALAM. SELAIN ITU TIDAK MEMBIARKAN PELANGGARAN HAK ASASI KEMANUSIAAN, TIDAK CURIGA MENCURIGAI, TUDUH MENUDUH DAN MELAKSANAKAN MANGSA DARIPADA KES KESELAMATAN ANGGAP MEREKA SEBAGAI PENGGANAS ATAU ORANG YANG DISYAKI TIDAK KESUDAHAN. YANG PENTING SEMUA ANGKATAN BERSENJATA TIDAK MENGANCAM , MELAKUKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA DAN ORANG AWAM YANG BUKAN PASANGAN PERANG. BAGILAH KAWASAN KESELAMATAN DALAM MENJALANKAN HIDUPAN HARIAN DAN MENCARI REZKI. SEMUA ITU ADALAH SITUASI SEKELILING YANG SEMUA PIHAK SAMA-SAMA MENJAGA , PERIHATIN SUPAYA RUMAH TANGGA RAKYAT TIDAK SENGSA. DAN SAMA-SAMA MEMBINA SUASANA YANG BAIK TERHADAP PROSES DAMAI.

3.MEDIA PERDANA , MEDIA ALTERNATIF ADALAH PELAKON PENTING SUPAYA PROSES RUNDINGAN DAMAI MARA KEHADAPAN DAN BOLEH DI MAKAN. MEMOHON RAKAN – RAKAN MEDIA MENYEBAR SUPAYA PENDUDUK DI SELATAN MENYEDARI BAHAWA MASALAH SELATAN ADALAH MASALAH AGENDA NEGARA YANG MANA SEMUA WARGANEGARA THAI MEMBERI PERIHATIN. DAN MENYOKONG PENYELESAIAN MASALAH DENGAN MEMBUKA LUAS HATI UNTUK MEMAHAMI , MENGAKUI DAN HORMAT KONTEKS DAN SUARA RAKYAT TEMPATAN.

28 FEBRUARI 2016

FAKUTI MASS KOMUNIKASI , PSU PATTANI

JARINGAN SIVIL MASYARAKAT DAN KOMUNITI

1. **JARINGAN WANITA SIVIL MASYARAKAT UNTUK KEDAMAIAN WILAYAH SELATAN**
2. HILAL-AHMAR FOUNDATION
3. **PEMIMPIN WANITA POMBING, PANARET , PATTANI**
4. **PEMIMPIN WANITA YUPO, MUANG YALA, YALA**
5. **PEMIMPIN WANITA KUCING LEPAS, RANGET,NARATHIWAT**
6. **KUMPULAN WANITA POMBING, PANARIT, PATTANI**
7. **KUMPULAN WANITA KUCING LEPAS , CHALEM, RANGET , NARATHIWAT**